

## DOA SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN ULANGTAHUN KELAHIRAN

بسم الله الرحمن الرحيم الحمد لله رب العالمين .  
والعاقبة للمتقين ولا عدوان الا على الظالمين. والصلاة والسلام على سيد المرسلين وامام  
المتقين سيدنا محمد وعلى اله واصحابه اجمعين.

KEPADA MU KAMI MEMOHON DAN KEPADAMU JUA KAMI MERAYU, DI KESEMPATAN  
PENUH MAKNA DAN KEBERKATAN INI, KAMI HAMBAMU MENADAH TANGAN  
PENUH KERENDAHAN BERSALUT PENGHARAPAN KE HADRATMU YANG MAHA AGUNG  
MEMOHON AGAR DIKIRIMKAN RAHMAH DAN INAYAHMU DI DALAM PERTEMUAN INI  
SEMPENA MENYAMBUT HARI ULANG TAHUN KELAHIRAN .....  
PADA TAHUN INI. SESUNGGUHNYA KAMI AMAT MENYEDARI YA ILAHI, BAHAWA  
KETENTUAN UMUR JUA PENGHIDUPAN ADALAH TERPAKSI DI BAWAH KEKUASAANMU,  
OLEH ITU YA ALLAH, KAMI MENGHARAP LIMPAN PERKENAANMU AGAR DITINTA  
MELALUI KALAM QADARMU, PERJALANAN USIA BERINTIKAN KEIMANAN,  
PERTAMBAHANNYA DISISIP KEREDHAAN DAN PENGHUJUNGNYA DI TEMANI  
KERAHMATAN.

اللهم يا معلم با لا قدار

YA ALLAH, DENGAN KETENTUANMU YANG MAHA PENENTU, KAMI MERAFA'KAN  
SEKUDUS PERMOHONAN AGAR DIANUGERAHKAN KESIHATAN YANG BERPANJANGAN,  
KEDAMAIAN YANG BERTERUSAN SERTA DIALIRKAN LAUTAN RAHMAH DAN  
KEREDHAAN DI DALAM KEHIDUPAN. SETERUSNYA YA ALLAH HINDARILAH SEJAUH  
MUNGKIN LAKARAN BAHAYA DAN KEMUDHARATAN YANG TERCORET JUA SEBARANG  
TINDAKAN YANG MAMPU MENGUNDANG KEMURKAANMU.

اللهم اجعل جمعنا هذا جمعا مرحوما وتفرقتنا من بعده تفرقا معصوما ربنا اتنا في الدنيا  
حسنة وفي الآخرة حسنة وقنا عذاب النار وصلى الله على سيدنا محمد وعلى اله وصحبه  
أجمعين والحمد لله رب العالمين